

15/10/1998

Kerjaya politik rakan Anwar naik terlalu cepat

KUALA LUMPUR, Rabu - Tiga ahli pemuda Umno yang dilucut keanggotaannya kerana kegiatan antiparti pada 6 Oktober lalu, mempunyai sejarah naik begitu cepat di dalam parti.

Mereka yang begitu rapat dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim, menduduki jawatan penting dalam pergerakan itu walaupun baru beberapa tahun menjadi ahli Umno.

Bekas Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Abdul Rahim Ghouse, 37; bekas Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Saifuddin Nasution, 34; serta bekas Setiausaha Politik Anwar di Kementerian Kewangan, Mohamad Ezam Mohd Nor, 30, menyertai parti sekitar penghujung 80-an dan awal 90-an.

Ketiga-tiganya kini dikatakan berada di luar negara dan sehingga 8 Oktober lalu, mereka pernah mengeluarkan beberapa kenyataan akhbar dari Jakarta, Manila serta Bangkok mengutuk tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar, dan menahannya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Seorang lagi rakan Anwar dan meninggalkan negara sebelum Anwar dipecat ialah N V Raman, bekas Pengarah Bahagian Perniagaan Antarabangsa di Lion Corporation Bhd.

Raman, 44, kini dipercayai berada di Amerika Syarikat. Sebelum menyertai Lion Corporation beliau pernah bekerja beberapa tahun di negara berkenaan iaitu selepas berhenti daripada akhbar The Star pada 1987.

Beliau dan beberapa orang lagi dipercayai antara mereka yang bertanggungjawab dalam membentuk polisi berita The Star, yang telah menjuruskan kepada penutupan sementara akhbar itu pada tahun yang sama.

Sebelum menyertai The Star, Raman bekerja dengan akhbar New Straits Times. Di Amerika pula beliau bekerja dengan akhbar Atlanta Constitution di mana beliau menjalin hubungan persahabatan dengan pegawai kanan kerajaan serta ahli politik di negara itu.

Rahim pula adalah Pengarah Eksekutif Abrar Group International Bhd tetapi meletak jawatan pada 18 September iaitu dua hari selepas Anwar ditahan mengikut ISA.

Selain Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, beliau adalah Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda Umno sehinggalah dipecat daripada parti pada 6 Oktober lalu kerana kegiatan anti-Umno.

Beliau memiliki dua ijazah sarjana iaitu dalam bidang kimia serta sosiologi dan PhD dalam sosiologi yang semuanya diperolehinya di AS. Beliau juga adalah Timbalan Dekan di Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Rahim bergiat secara aktif dalam Umno pada awal 90-an. Beliau yang menjadi ahli cawangan Umno Sama Gagah (dalam bahagian Permatang Pauh) menjawat jawatan Ketua Pemuda Bahagian pada 1997.

Pada Mac lalu, beliau dilantik sebagai Ketua Pemuda Pulau Pinang oleh bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi menggantikan Azman Omar Shah. Rahim kini dipercayai berada di Manila.

Saifuddin yang dilahirkan di Singapura adalah graduan bidang sains Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai pegawai latihan dan kebajikan di Yayasan Gerak bakti Kebangsaan.

Selepas keluar dari Pas bersama dengan Naib Presiden parti itu, Nakhaie Ahmad pada 1989, beliau menjadi ahli Exco Umno Bahagian Pokok Sena di Kedah.

Beliau berjaya mengekalkan jawatan berkenaan sehingga dilucut

keanggotaannya dari parti.

Saifuddin mengangkat sumpah sebagai Setiausaha Politik kepada Datuk Syed Hamid Albar yang ketika itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang pada pada 23 Februari 1994.

Bagaimanapun beliau meletakkan jawatan itu dua tahun kemudian, iaitu sebelum pemilihan Umno 1996.

Saifuddin juga adalah Pengerusi Sekretariat Tetap Barisan Nasional yang menjadi penyelarass aktiviti pergerakan pemuda parti komponen.

Mempunyai sifat semulajadi yang agresif, Saifuddin adalah antara lapan orang siswazah menganggur yang ditahan polis pada 26 Jun 1987 kerana terbabit dalam demonstrasi menentang kerajaan di Pasir Mas, Kelantan.

Kumpulan yang memanggil diri mereka 'Barisan Bertindak Siswazah Menganggur Kelantan' itu meminta kerajaan menyediakan peluang pekerjaan dan layanan lebih baik kepada siswazah.

Sifat memberontak yang terdapat dalam jiwanya terserlah sekali lagi apabila pada tahun lalu beliau mengetuai demonstrasi untuk mengganggu Persidangan Kedua Asia Pasifik Mengenai Timur Timor di Asia Hotel di sini.

Bagaimanapun beliau dan empat lagi telah didakwa di mahkamah majistret kerana merusuh dan didenda RM1,500. Saifuddin kini dipercayai berada di Thailand.

Sementara itu Raman yang nama penuhnya adalah N Vengeketa Raman dikatakan menjadi perunding imej dan media kepada Anwar.

Beliau dikatakan meletakkan jawatannya dengan akhbar Atlanta Constitution dan kembali ke Malaysia atas undangan Anwar. Beliau dilantik sebagai pengarah Lion Corporation pada 1996.

Raman yang meninggalkan negara sebaik sebelum Anwar dipecat daripada kerajaan kini dipercayai berada di Amerika.

Beliau adalah salah seorang daripada ahli lembaga amanah Yayasan Salam, iaitu sebuah kumpulan sukarela yang hampir sama dengan US Peace Corps Di AS. Yayasan itu diasaskan Anwar.

Mohamad Ezam, seorang lulusan Ekonomi dari UIA dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan pada 1997.

Beliau adalah Timbalan Pengerusi Umno Bahagian Petaling Jaya sehingga beliau dipecat dari parti pada 6 Oktober lalu. Mohamad berlepas ke Jakarta selepas Anwar ditahan, dan kini dipercayai berada di Manila.

(END)